

# PM: Galak kecekapan urus tenaga

um- 12/6/2007

KUALA LUMPUR 11 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyarankan supaya satu rangka kerja global yang memberi galakan kepada kecekapan pengurusan sumber tenaga dilaksanakan di negara ini.

Perdana Menteri berkata, ini bagi menangani isu perubahan cuaca yang kini semakin menjadi kesedaran dan perhatian masyarakat.

Beliau menambah, rangka kerja tersebut perlu mempercepatkan penggunaan teknologi yang boleh mengurangkan pelepasan tenaga dan membantu kajian kepada penggunaan teknologi terkini.

"Kita perlu menekankan insentif daripada mengenakan denda untuk menggalakkan pelaburan dan pematuhan kepada tahap pelepasan karbon," katanya.

Beliau berucap demikian dalam ucapan *Berkongsi Masa depan* ketika merasmikan

Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia Ke-12 (AOGC) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Persidangan tiga hari yang bermula semalam itu turut dihadiri Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan Merican dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur AOGC, Datuk Anuar Ahmad.

Abdullah berkata, perubahan cuaca merupakan isu yang melanda kelangsungan cara hidup yang merentasi segala sempadan, memberi kesan kepada industri dan kerajaan serta pengguna di serata dunia.

Menurut beliau, industri tenaga mempunyai tanggungjawab untuk mengadakan perbincangan mengenai polisi dan me-

ngambil langkah tegas secara aktif dalam mengurangkan pelepasan dengan pemimpin industri tidak boleh mewakili atau mengabaikan tanggungjawab tersebut.

Malah Perdana Menteri percaya apabila peserta industri melaksanakan tanggungjawab sosial korporat yang diperlukan dalam menangani isu perubahan cuaca, barulah sebarang kemajuan realistik boleh dicapai.

Abdullah menambah, teknologi dan inovasi akan terus direvolusikan mengikut cara perniagaan dijalankan berdasarkan rangkaian nilai minyak dan gas.

Kata Perdana Menteri, menerusi teknologi dan inovasi, industri akan dapat memastikan pengeluaran tenaga adalah kos efektif, bertanggungjawab dan boleh diharapkan.

"Langkah untuk memastikan keselamatan dan kemampunan tenaga, memerlukan sokongan kemajuan teknologi dan inovasi.

"Teknologi dijangka memainkan peranan kritikal dalam mencari dan menemui sumber tenaga terutama dalam persekitaran sukar," jelasnya.

Menurut Abdullah, penambahbaikan teknologi akan turut membantu mengurangkan kesan alam sekitar pada industri tenaga, termasuk meningkatkan keberkesanan penggunaan sumber tenaga dalam menggerakkan industri selain mengurangkan pelepasan karbon monoksida.

Beliau percaya, pembangunan sumber tenaga alternatif adalah sangat menggalakkan kerana ia berupaya meningkatkan keselamatan bekalan serta menangani isu alam sekitar.

Abdullah berkata, teknologi dan inovasi

tidak semestinya dilakukan oleh syarikat minyak dan negara kuasa besar.

"Syarikat minyak nasional dan lain-lain peserta minyak dan gas Asia perlu melabur dalam teknologi dan inovasi.

"Saya percaya adalah penting peserta Asia secara serius menggalak dan melabur dalam mengukuhkan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalaman selain bekerjasama sesama mereka, sekiranya mereka mahu kekal relevan dalam industri yang berdaya saing tinggi ini," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau berharap syarikat tenaga Asia akan muncul sebagai pemimpin dalam pembangunan dan aplikasi teknologi industri tersebut.

Menurut Perdana Menteri, modal kewangan, polisi ekonomi, infrastruktur fizikal dan sumber asli akan terus menjadi dorongan utama industri tersebut.

"Namun kita mesti mengakui bahawa modal insan adalah pendorong sebenar bagi masa depan industri minyak dan gas.

"Ia memerlukan cabaran baru dalam membangunkan pengetahuan, keupayaan dan kepakaran di kalangan peserta industri Asia," katanya.

Abdullah juga mahukan industri tempatan membuat lonjakan besar untuk muncul sebagai pusat serantau kepakaran laut dalam.

"Ini akan membolehkan mereka untuk menyertai cabaran lebih besar dan projek berteknologi maju.

"Saya berharap untuk melihat syarikat Malaysia meneroka ke perairan luar untuk bersaing dan berjaya dalam pasaran global yang sedang berkembang pesat," jelasnya.